

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KESEBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17 Julai 2007

SOALAN

YB Puan Siw Chun a/p Eam minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah peranan UNICEF Malaysia menyedarkan masyarakat di Malaysia betapa pentingnya mengukuhkan institusi keluarga bagi membina asas kejayaan dalam masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, UNICEF Malaysia memberi fokus untuk menangani isu-isu berkaitan kanak-kanak di Malaysia dalam aspek berikut: 1. HIV/ AIDS di kalangan penghidap kanak-kanak; 2. Keganasan terhadap kanak-kanak dan golongan muda termasuklah penderaan seksual; 3. Kesalahan juvana dan penyalahgunaan bahan terlarang 'substance abuse', dengan izin; 4. Kekurangan masa yang diluangkan ibubapa untuk penjagaan anak kecil; 5. Kekurangan pemberi khidmat pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti; dan 6. Kemalangan dan kecederaan yang membawa kepada kecatatan dan kematian. Peranan yang dimainkan oleh UNICEF Malaysia bagi isu-isu di atas adalah: 1. Menyokong Wawasan 2020 negara kerana keluarga dan kanak-kanak adalah tumpuan utama dalam Wawasan Negara; 2. Melancarkan kempen global 'Unite for Children Unite Against Aids' sebagai menyokong kempen kesedaran HIV/AIDS; 3. Bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan Malaysia menggunakan kemahiran hidup dalam pembangunan kurikulum dan aktiviti akar umbi dalam pusat belia dan sukan; 4. UNICEF menyokong Pelan Strategik Kebangsaan untuk HIV/AIDS 2006-2010; 5. UNICEF bekerjasama dengan Kerajaan untuk meningkatkan sistem pemantauan dan laporan untuk semua jenis penderaan kanak-kanak; 6. UNICEF bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri serta institusi Hak Asasi Manusia untuk menangani jenayah melangkaui sempadan, atau 'cross-border crime of trafficking', dengan izin, dan eksploitasi seksual terhadap wanita dan kanak-kanak; 7. UNICEF bekerjasama dengan Kerajaan dalam menyokong sistem pengawasan dan pemantauan kebangsaan berkaitan kemalangan dan kecederaan di kalangan kanak-kanak dan golongan muda; 8. Memahami faktor risiko yang boleh menyebabkan berlakunya kecederaan yang boleh membantu pihak UNICEF membantu Kerajaan membangunkan strategi efektif, perkongsian bijak dan program intervensi bagi mengurangkan risiko kemalangan; 9. Membangunkan kapasiti melalui sokongan terhadap kajian berkaitan pembangunan kanak-kanak, perlindungan, penyertaan dan tanggung jawab; dan 10. Pertukaran pengalaman, bantuan teknikal, latihan, analisis dasar dan kajian antara Negara berkaitan isu kanak-kanak adalah komponen utama program kerjasama antara UNICEF dan Malaysia.

